

Headline	FAMA Melaka anjur karnival `Melaka Durian Street`		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	9	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	251 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,514
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,542



FAMA Melaka anjur karnival 'Melaka Durian Street'

MELAKA - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri Melaka akan menganjurkan karnival 'Melaka Durian Street' yang memasarkan lebih 78 tan metrik pelbagai buah bermusim di tapak parkir Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, selama 13 hari bermula Selasa ini.

Pengarahnya, Che Samudin Hassan berkata, karnival yang menyasarkan nilai jualan antara RM800,000 hingga RM900,000 dalam tempoh berkenaan bertujuan mengelak lambakan buah-buahan bermusim seperti durian, manggis, rambutan dan pulasan di negeri

itu dan menyebabkan kejatuhan harga lebih rendah.

Beliau berkata, karnival yang bermula pukul 10 pagi hingga pukul 10 malam itu, menjual pelbagai jenis durian iaitu musang king, udang merah, IOI, D13 dan D18 pada harga antara RM10 hingga RM35 sekilogram manakala manggis, rambutan dan pulasan RM4 hingga RM8 sekilogram.

"Durian yang dijual di karnival berkenaan kita peroleh daripada peladang di sekitar negeri ini kerana di Melaka sahaja kita mempunyai kira-kira 1,000 hektar ladang durian yang dapat mengeluarkan hasil 1,100 tan

metrik pada musim ini dan ladang terbesar adalah di sekitar Jasin iaitu di Chinchin dan Asahan.

"Setakat ini kira-kira 750 hektar ladang durian di negeri ini mengeluarkan hasil dan kita jangkakan 21 hingga 26 Julai ini merupakan waktu kemuncak pengeluaran durian," kata beliau di pejabat FAM negeri di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, karnival berkenaan menyasarkan kehadiran antara 25,000 hingga 30,000 pengunjung dari dalam dan luar negeri termasuk pelancong asing dan FAMA akan menyediakan khemah serta tempat duduk untuk mereka menikmati terus buah-buahan di situ.



CHE SAMUDIN (kiri) menunjukkan aneka buah durian dan buah-buahan bermusim yang akan dijual di karnival 'Melaka Durian Street' pada sidang akhbar di Melaka semalam.